

# ALUCID TABLET / SUSPENSION

Aluminium hydroxide / Magnesium hydroxide / Simethicone (250mg / 250mg / 50mg)

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Alucid
2. Bagaimana Alucid berfungsi
3. Sebelum menggunakan Alucid
4. Cara menggunakan Alucid
5. Semasa menggunakan Alucid
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Alucid
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan Alucid

Alucid digunakan untuk melegakan sakit perut, keadaan asid berlebihan, pedih ulu hati dan perut kembung.

## Bagaimana Alucid berfungsi

Alucid mengandungi *Aluminium hydroxide*, *Magnesium hydroxide* dan *Polymethylsiloxane activated (simethicone)* sebagai bahan aktif. Ia meningkatkan nilai pH dalam perut, dengan itu melegakan simptom asid berlebihan.

Alucid juga mengurangkan kepekatan asid di dalam esofagus. Ini meningkatkan pH dan mengurangkan aktiviti pepsin.

Aluminium hydroxide merangsang rembesan prostaglandin dan ini melindungi mukosa gastrik.

Hubungi doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan Alucid Tablet dibekalkan kepada anda. Doktor anda mungkin membekalkan Alucid Tablet untuk tujuan lain.

## Sebelum menggunakan Alucid

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap Aluminium hydroxide, Magnesium hydroxide, Polymethylsiloxane activated (simethicone) atau sebarang

bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini.

Jangan ambil Alucid jika anda mempunyai gangguan fungsi buah pinggang yang serius.

Jangan ambil Alucid selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan.

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum menggunakan Alucid

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai masalah buah pinggang dan simptom radang apendik (inflamasi dan sakit di apendik).

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat yang perlu diberi perhatian semasa mengambil Alucid Tablet atau yang perlu dielakkan.

## Cara menggunakan Alucid Tablet

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Alucid Tablet:

*Dewasa dan kanak-kanak umur lebih 12 tahun:*

Kunyah 1 hingga 2 biji atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

Alucid Suspension:

*Dewasa dan kanak-kanak umur lebih 12 tahun:*

Ambil 5 hingga 10ml (1 hingga 2 sudu teh) atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

*Kanak-kanak umur bawah 12 tahun:*

Ambil 2.5ml hingga 5ml (1/2 hingga 1 sudu teh) atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

- Bila perlu digunakan

Alucid Tablet:

Ambil Alucid Tablet sebelum waktu makan.

Alucid Suspension:

Ambil Alucid Suspension di antara waktu makan dan pada waktu tidur atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

Jangan ambil Alucid dalam 1 hingga 2 jam selepas mengambil ubat lain kerana ia akan mengganggu penyerapan.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Alucid selagi diarahkan oleh doktor anda.

Jika kesakitan berlanjutan, beritahu doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingat masa pengambilan ubat, tanya ahli farmasi anda untuk dapatkan petua.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dengan segera telefon doktor anda atau pergi ke bahagian Kemalangan dan Kecemasan di hospital terdekat, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Alucid.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

**Semasa menggunakan Alucid**

- Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Alucid.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Alucid.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Alucid untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Alucid mempengaruhi anda.

**Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Kesan sampingan yang berikut mungkin berlaku jika ubat ini diambil pada dos yang tinggi:

- Sembelit
- Cirit-birit
- Usus tersumbat

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, or atau laman [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

**Cara penyimpanan dan pelupusan Alucid**

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat kering suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Alucid atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Alucid Tablet atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Alucid Tablet:  
Pil berdiameter 16mm, berbentuk bulat, rata, bertanda 'ALUCID' pada kedua-dua permukaan, berwarna kuning.

Alucid Suspension:  
Larutan berwarna putih dan berasa pudina.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Aluminium hydroxide
- Magnesium hydroxide
- Polymethylsiloxane activated/simethicone

Bahan tidak aktif:

Alucid Tablet:

- Povidone
- Talcum
- Icing sugar
- Colour Ariavit Quinoline Yellow
- Peppermint Flavour
- Magnesium stearate
- Aspartame

Alucid Suspension:

- Sodium saccharin
- Peppermint Oil
- Xanthan Gum
- Sorbitol 70% Solution
- Microcrystalline Cellulose 101
- Cetylpyridinium Chloride
- Purified Water

- Nombor MAL

Alucid Tablet:

MAL19990610X

Alucid Suspension:

MAL19912715X

### **Pengilang**

UPHA PHARMACEUTICAL  
MFG (M) SDN BHD (53667-M)  
Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13,  
Bangi Industrial Estate, 43650  
Bandar Baru Bangi, Selangor  
Darul Ehsan.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

UPHA PHARMACEUTICAL  
MFG (M) SDN BHD (53667-M)  
Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13,  
Bangi Industrial Estate, 43650  
Bandar Baru Bangi, Selangor  
Darul Ehsan.

### **Tarikh kemaskini RIMUP**

27/09/2017

### **Nombor siri**

NPRA(R4/1)250917/00256